

08 MAY 1997

Mahathir-cuti

JANGAN SPEKULASI CUTI SAYA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata cuti dua bulan yang akan diambilnya mulai 19 Mei ini tidak ada kena mengena dengan kesihatannya.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak menghadapi masalah kesihatan sekarang tetapi memerlukan cuti untuk berehat sambil melaksanakan beberapa urusan dan melakukan lawatan rasmi ke beberapa buah negara.

Dr Mahathir ditanya pemberita sama ada beliau mengambil cuti panjang itu kerana ada masalah kesihatan.

"Mengapa saya perlu bercuti kerana masalah kesihatan. Jika saya mahu menjalankan tugas-tugas harian, kalau saya tidak sihat, sudah tentu saya terus ambil cuti sakit," katanya ketika ditanya pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang sekembalinya daripada lawatan rasmi seminggu ke tiga buah negara Afrika.

Sambil mengharap cutinya tidak menimbulkan pelbagai spekulasi, Dr Mahathir berkata beliau akan menggunakan cuti panjang itu untuk mencatatkan pengalaman dan pemikirannya yang mungkin berguna kepada negara dalam mengharungi cabaran pada masa hadapan.

Dr Mahathir berkata, sepanjang beliau bercuti, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan dilantik sebagai Pemangku Perdana Menteri.

Katanya, pelantikan Anwar sebagai Pemangku Perdana Menteri akan diwartakan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Ketika ditanya mengapa baru sekarang beliau melantik seorang pemangku apabila berada di luar negara kerana perkara itu sudah lama tidak dilakukan, Perdana Menteri berkata, sebelum ini lawatan-lawatan beliau ke luar negara agak singkat waktunya berbanding cuti yang diambil kali ini selama dua bulan.

Kali terakhir Dr Mahathir melantik seorang Pemangku Perdana Menteri sewaktu Datuk Musa Hitam (sekarang Tan Sri) menjadi Timbalan Perdana Menteri.

"Kali ini saya cuti, betul-betul cutilah. Jadi tak buat kerja Perdana Menteri sebab itu kena ada pemangku," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata semasa percutian itu, beliau akan juga melaksanakan beberapa tugas rasmi Perdana Menteri terutama ketika melakukan lawatan-lawatan rasmi.

Katanya, walaupun ia mungkin akan dilihat sebagai pertindihan tugas, perkara itu bukanlah satu masalah besar yang boleh menjejaskan tugas dan kedudukan Pemangku Perdana Menteri.

"Datuk Seri Anwar akan menjadi Pemangku Perdana Menteri yang mempunyai kuasa-kuasa penuh seorang Perdana Menteri," katanya.

Ketika ditanya sama ada pelantikan Anwar sebagai Pemangku Perdana Menteri merupakan ujian kepada timbalannya bagi melihat sama ada Anwar boleh mengambil alih teraju kepimpinan negara, Dr Mahathir berkata: "Saya tak payah uji. Saya bagi penuh kepercayaan kepada Datuk Seri Anwar".

Perdana Menteri berkata, sekarang masa yang beliau anggap paling sesuai untuk bercuti panjang memandangkan keadaan negara yang baik dan tiada urusan-urusan besar yang perlu dilaksanakan.

"Kalau keadaan tidak selesa takkan nak pergi (cuti). Ketika menghadapi masalah macam 1987 (krisis Umno) saya tidak pergi manapun, duduk sini saja, luar negeri pun saya tak pergi.

"Tapi sekarang adalah masa yang terluang antara pilihan raya umum (lepas dan akan datang). Masa ini adalah paling sesuai kerana kita tidak

perlu bersiap sedia untuk pilihan raya dan juga bukan masa untuk melaksanakan janji-janji semasa pilihan raya," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak nampak tanda-tanda kemungkinan berlaku bencana-bencana besar sepanjang percutiannya dan juga berharap perkara-perkara seumpama itu tidak berlaku.

Katanya, sejak hampir 16 tahun menjadi Perdana Menteri, beliau telah bekerja hampir sepanjang masa tanpa mengambil cuti rehat walaupun layak mengambil cuti selama sebulan pada setiap tahun.

"Saya harap saya dibenarkan bercuti dengan tidak ada macam-macam sangkaan yang mungkin menyebabkan bursa saham menjadi masalah atau sebagainya," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan cuti itu untuk membolehkan beliau mencatatkan pengalamannya yang boleh membantu ke arah memudahkan pelaksanaan tugas-tugas negara.

"Saya bukan nak tulis buku, tapi banyak yang perlu saya tulis. Banyak yang tak tercatat, pemikiran yang mungkin berguna untuk diri saya untuk mengatur pemikiran saya. Kalau berlaku sesuatu masalah kita sudah ada penyelesaiannya, datang masalah lain juga ada penyelesaiannya,"katanya.

Bila ditanya adakah percutiannya itu satu jangkaan ke arah persaraan, Dr Mahathir menjawab:"Tidak. Saya cuma perlukan masa untuk duduk dan buat sesuatu yang tidak diganggu oleh perkara lain."

Ditanya bilakah beliau akan menamakan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang baru menggantikan Datuk Abu Hassan Omar yang telah dinamakan sebagai menteri besar baru Selangor, Dr Mahathir berkata: "Saya tak tahu lagi tetapi dalam beberapa peringkat saya perlu memikirkan mengenainya."

Katanya, ini kerana perdagangan dalam negeri adalah kementerian penting kerana kerajaan mengambil berat terhadap inflasi, kuasa membeli oleh rakyat serta memastikan kos pengeluaran sentiasa rendah untuk menjadikan negara lebih kompetitif.

Dr Mahathir berkata disebabkan itu beliau mengasingkan bahagian perdagangan dalam negeri daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Anwar, yang turut menyambut kepulangan Perdana Menteri, mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana memberi kepercayaan kepada beliau untuk memangku jawatan Perdana Menteri sepanjang percutian Dr Mahathir itu.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan, berkata pelantikan beliau sebagai Pemangku Perdana Menteri hanya merupakan urusan teknikal sahaja.

"Dr Mahathir masih Perdana Menteri. Urusan-urusan penting dan utama, saya masih perlu merujuk kepada beliau," katanya.

-- BERNAMA

AH ARA AHH